

Headline **Ditegur Puteri Gunung Ledang**  
 Date **29 Sep 2010**  
 MediaTitle **Utusan Malaysia**  
 Section **Supplement**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
 Page No **E16,17**  
 Article Size **1008 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **19,922**  
 PRValue **59,767**



16  
September  
2010

## chit-chat



# 'Ditegur' Puteri Gunung Ledang

Apakah jawatan Tan Sri yang terkini serta latar belakang (pendidikan) sebelum berjaya mencapai tahap kerjaya sekarang?

**TAN SRI DR. SALLEH:** Saya kini menjawat pelbagai jawatan setelah bersara, tetapi boleh juga diketengahkan jawatan saya sebagai Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia (ASM).

Selain itu, saya juga merupakan Presiden kepada Persatuan Pencinta Alam (MNS) Malaysia.

Sejarah alam persekolahan saya bermula di Negeri Sembilan yang mana pada peringkat awal persekolahan saya telah menerima pelajaran di Sekolah Rendah Tuanku Muhammad.

Selaras itu saya menyambung pelajaran di Maktab Tentera Di Raja, Port Dickson sehingga tahun 1960 di mana saya telah dilantik sebagai Pegawai Rendah Kanan (Senior Under Officer) di dalam Kompeni G.

Setelah cemerlang dalam pelajaran, saya telah ditawarkan biasiswa Rancangan Colombo untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Bachelor Sains Perhutanan di Adelaide (1961 hingga 1962) dan kemudian ke Sekolah Perhutanan Australia (AFS), Canberra untuk program Diploma Perhutanan.

Kemudian setelah berjaya menamat-

### Mukadimah

**T**IDAK dapat dinafikan bahawa sains dan teknologi amat penting bagi memajukan sesebuah negara.

Malaysia antara negara yang sedang pesat membangun menjadikan bidang sains dan teknologi sebagai teras utama terhadap proses permodenan.

Namun dalam memastikan permodenan negara berjalan lancar, aspek alam sekitar serta alam semula jadi tidak per-

nah diabaikan.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, wartawan **ASHRIQ FAHMY AHMAD** mengambil kesempatan mememubal Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia (ASM), **ACADEMICIAN, TAN SRI DR. SALLEH MOHD. NOR F. A. Sc.** baru-baru ini.

Ikuti petikan wawancara berkenaan perjalanan kerjaya beliau sepanjang bergelar saintis serta pencinta alam sekitar.

kan pelajaran saya kembali ke tanah air dan dilantik sebagai Pengarah, Unit Inventori Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Saya juga antara insan yang bertanggungjawab menubuhkan Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) dan merupakan Ketua Pengarah pertama bagi institut tersebut.

**Bolehkah Tan Sri ceritakan berkenaan profesi yang disertai kini?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Saya telah bersara daripada JPSM dan FRIM sejak tahun 1995 namun saya aktif di dalam pelbagai persatuan seperti Presiden kepada Persatuan Alam Sekitar (MNS), 1978 dan

dilantik semula pada 2008 sehingga kini serta dilantik sebagai Setiausaha Agung, ASM.

Saya juga banyak bergiat aktif dalam lain-lain pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

**Apakah kelebihan profesion Tan Sri kini?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Bagi saya, mananya profesi di dalam bidang sains dan teknologi adalah antara ilmu yang menyeluruh serta merangkumi segala aspek kehidupan manusia.

Ia meliputi teknologi kejuruteraan, fizik, kimia, serta pelbagai lagi yang amat berguna di dalam kehidupan manusia sehari-hari.

Keistimewaan bidang sains juga tidak terhad kepada saintis semata-mata kerana ia menyentuh semua bab dan memberikan impak yang sangat besar dalam pembangunan sesebuah negara.


Justeru, sejak dari usia muda seperti pelajar sekolah perlu dididik serta didehdakan terhadap kepentingan sains dan teknologi.

Jangan hanya berpandukan buku teks semata-mata malah libatkan diri dengan pelbagai aktiviti praktikal daripada subjek yang dipelajari.

**Bagaimana Tan Sri nampak ia mampu memberi manfaat terhadap negara dan masyarakat?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Bagi saya yang memiliki latar belakang perhutanan sememangnya bidang tersebut amat bermafaat kepada negara.

Perhutanan tergolong di dalam bidang sains biologi dimana jika dahulu sek-



estidotmy

Headline **Ditegur Puteri Gunung Ledang**  
 Date **29 Sep 2010**  
 MediaTitle **Utusan Malaysia**  
 Section **Supplement**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
 Page No **E16,17**  
 Article Size **1008 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **19,922**  
 PRValue **59,767**

tor pembalakan banyak membantu membangun negara.

Namun kini fungsi hutan telah berubah, negara kini lebih menumpukan perhatian lebih kepada usaha konservasi alam sekitar yang nyata lebih banyak memberi manfaat kepada negara.

Hutan merupakan satu anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya, tambahan hutan hujan tropika di negara ini telah dinobatkan sebagai hutan yang memiliki kepelbagaiannya biologi yang amat besar.

Ada beribu-ribu spesies tumbuhan dan haiwan di dalam hutan kita yang masih belum dapat dikenal pasti potensinya kepada negara.

Justeru, betapa di sini kita memerlukan saintis yang berkemampuan untuk mengukai rahsia yang dimiliki oleh kepelbagaiannya spesies di dalam hutan kita.

Malah, cabaran utama bagi saintis adalah untuk memahami kepelbagaiannya biologi serta menjadi pakar kepada satu-satu perkara mengenainya.

Kerajaan juga perlu memajinkan peranan dalam memastikan keutamaan diberikan terhadap bidang sains agar dapat membantu saintis di negara ini mengetengahkan sesuatu yang dapat dimanfaatkan oleh orang ramai.

**Apakah pengalaman Tan Sri yang paling tidak dapat dilupakan sepanjang membentuk diri di dalam bidang tersebut?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Saya memiliki banyak pengalaman ketika bekerja di dalam JPSM dahulu, ada suatu ketika itu saya sedang dalam ekspedisi inventori di hutan Gunung Ledang.

Mungkin akibat terlalu teruja saya telah berniat untuk mendaki ke puncak gunung secepat mungkin mendahului rakan-rakan yang lain.

Setelah hampir 100 meter sahaja untuk sampai ke puncak gunung saya merasa tiba-tiba amat lelah serta mengantuk.

Akibat daripada itu, saya terpaksa berhenti kerana tidak mampu lagi untuk bergerak dan apabila saya sedari pada keesokan harinya pada sebelah bawah paha kanan saya terdapat kesan lebam.

Menurut kata orang-orang tua, kesan tersebut akibat teguran ‘Puteri’ Gunung Ledang kerana saya terlalu yakin dan bongkok untuk mendaki gunung tersebut seorang diri.

Namun, apa yang saya alami tersebut memberi satu pengajaran dimana jika mahu berjaya kita jangan terlalu sombong malah jika telah berjaya sekali pun



jika tetap perlu merendah diri.

**Apakah rahsia atau petua yang menjadi prinsip Tan Sri untuk berjaya?**

**TAN SRI DR. SALLEH:**

Dalam usaha untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi pertamanya perlu sentiasa mempunyai intergriti, berkerja keras, yakin serta sentiasa percaya pada diri sendiri.

Seumus itu merupakan pegangan asas untuk berjaya dalam hidup, namun jika sudah berjaya jangan pula kita sombong sentiasa merendah diri kerana hanya melalui sikap demikian akan memastikan kita sentiasa dihormati dan berjaya.

**Apakah saranan Tan Sri kepada para pembaca yang berminat untuk mencari bidang yang sama seperti Tan Sri?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh, berkerja kuat, suka membaca.

Saya teringat ketika saya kecil, keluarga saya ada memelihara lembu dan saya sering ditugaskan untuk menjaga haiwan ternakan tersebut.

Dalam masa yang sama, saya sering membawa buku dan membacanya walaupun ketika menjaga atau menggembala lembu.

Akibatnya haiwan ternakan tersebut sering merayau sehingga mengganggu lalu lintas kerana saya leka membaca.

Saya juga sering dimarahi oleh orang ramai kerana asyik menghadap buku walaupun sedang menggembala lembu di tengah-tengah jalan raya.

**Harapan Tan Sri untuk bidang ini pada masa-masa akan datang?**

**TAN SRI DR. SALLEH:** Saya pernah mencabar negara (kenyataan pernah dikeluarkan dalam Malay Mail) untuk menghasilkan pemenang Hadiah Nobel menjelang tahun 2020.

Untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu memiliki saintis yang diiktiraf dunia dan salah satunya melalui Hadiah Nobel.

Dorongan untuk memajukan bidang sains bukan berdasarkan wang semata-mata malah memerlukan dorongan untuk golongan muda meminatinya.

Hal demikian kerana, golongan muda merupakan pelapis bagi negara justeru mereka perlu didekah secara lebih dekat terhadap dunia sains.

Jangan takut kepada sains dan teknologi kerana untuk menjadi saintis terkemuka kita perlu menguasai pelbagai teknologi.



17  
September  
2010

## Pendidikan

- Dilahirkan pada 1940 di Ulu Inas Negeri Sembilan.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tuanku Muhammad.
- Melanjutkan pelajaran ke Maktab Tentera Di Raja (RMC), Port Dickson pada 1960.
- Dilantik sebagai Pegawai Rendah Kanan (SUO) di bawah Kompeni G dan telah memenangi Director of Studies Prize pada tahun 1960.
- Menyambung pelajaran di Australia dalam bidang perhutanan di Sekolah Perhutanan Australia (AFS), Canberra (Diploma Perhutanan dan peringkat Ijazah Sains Perhutanan di Universiti Adelaide (1963 hingga 1964).

## Kerjaya

- Bermula dengan jawatan Pengarah Unit Inventori Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).
- Mengikuti latihan perhutanan selama 13 bulan di Netherlands pada tahun 1969 selepas berjaya mengimpihlantasi proses inventori hutan yang pertama di Semenanjung Malaysia.
- Menerima penganugerahan felo ketika beliau sedang menuntut bagi kajian Ijazah (Masters) di Universiti Negeri Michigan, Amerika Syarikat pada tahun 1973 diikuti dengan biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) selama dua tahun sembilan bulan.

## Kejayaan

- Berjaya membangunkan kaedah instrumental bagi Lembaga Pembangunan dan Kajian Perhutanan Malaysia (MFRDB) di bawah Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) yang mana beliau juga merupakan Pengarah FRIM pertama sehingga beliau bersara pada tahun 1995.
- Berjaya mengharumkan nama FRIM sebagai sebuah pusat penyelidikan perhutanan yang terulung di dunia.
- Presiden pertama bagi Kesatuan Organisasi Kajian Perhutanan Antara bangsa (IUFRO) di luar Amerika Syarikat dan Eropah yang dilantik pada 1991.
- Pengurus kepada Rangkaian Kepelbagaiannya Pokok Asia Pasifik di bawah USAID, pengurus bagi Projek Kajian Kawasan Hutan Bakau di bawah UNESCO dan pelbagai lagi.
- Ahli kepada Organisasi Pertanian dan Makanan (FAO) bertapak di Rom.